

# Transformasi pendidikan Orang Asli

**P**endidikan Orang Asli sering dipandang sepi dan kurang diberi liputan kerana majoriti masyarakat menganggap kaum minoriti terdiri daripada kira-kira 180,000 (bancian 2010) itu tidak mahukan pembangunan.

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Hanina Halimatusaadia Hamsan mengulas perkembangan pendidikan Orang Asli khususnya di peringkat pengajian tinggi kepada wartawan Varsiti, Basir Zahrom



**S:** Boleh ceritakan secara ringkas mengenai pendidikan Orang Asli secara menyeluruh?

**J:** Masyarakat Orang Asli pada masa ini sebenarnya sedang mengalami proses transformasi. Jika dibandingkan lebih 10 tahun dulu. Sekarang ramai yang faham mengenai anjakan minda kerana mereka sentiasa diberi kursus perubahan minda dari semasa ke semasa oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Perubahan itu dalam aspek mental, bukan secara drastik, tetapi perlahan-lahan kerana masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah pelbagai dari segi tahap kemajuan, lokasi penempatan, personaliti dan budaya. Ada yang boleh terima perubahan dengan cepat, ada yang perlahan, namun sangat sedikit yang menolaknya. Proses transformasi perlu mengambil kira kepelbagaian ciri ini.

Kerajaan pada masa ini menerusi JAKOA dan Kementerian Pelajaran sedang berusaha mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan anak Orang Asli. Pelajar yang meneruskan pelajaran ke Tingkatan Empat juga bertambah. Bahkan ada juga yang melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh, contohnya Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Puteri dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Tidak kurang juga yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT).

Orang Asli juga sudah ada tokoh akademik dalam kalangan mereka, contohnya Datuk Usman Bongsu, mantan senator yang juga kaunselor berdaftar dan pemegang Sarjana Kaunseling, UPM; tiga tokoh pemegang PhD terawal dalam kalangan mereka ialah Prof Madya Dr Juli Edo, Prof Madya Dr Bahari Belaton dan Dr Bah Piyan.

**S: Berapa peratus anak Orang Asli yang melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi?**

**J:** Menurut JAKOA, sejak 2000 hingga 2008, bilangan anak Orang Asli yang mendapat tawaran ke IPT awam (IPTA) seramai 898 orang. Paling ramai di Universiti Teknologi MARA (227 orang), diikuti Politeknik (201), Institut Perguruan (181), dan Kolej Komuniti.

Secara terperinci, jumlah pelajar Orang Asli yang menuntut di IPTA pada 2006 adalah seramai 141 orang. Kemudian meningkat kepada 323 pada 2007, 368 (2008) dan menurun sedikit kepada 358 (2009). Pada 2010, ia meningkat lebih baik kepada 370 orang dan 408 pada 2011.

Semua data merangkumi pelajar di tahap matrikulasi, sijil, pradiploma, diplo-



ma dan sarjana muda. Apa yang menggembirakan ialah bilangan pelajar Orang Asli di peringkat sarjana muda semakin meningkat dari tahun ke tahun (64 orang pada 2006 kepada 207 pada tahun lalu).

### **S: Bagaimana pelajar Orang Asli menyesuaikan diri dengan suasana di IPT serta menghadapi persaingan dengan kaum lain?**

**J:** Berdasarkan pemerhatian saya, pelajar Orang Asli yang berjaya menamatkan pengajian di IPT ialah mereka yang resilien. Mereka menjadi resilien setelah melepasi tahap satu iaitu peringkat permulaan melangkah ke alam pengajian tinggi atau dunia kampus. Pada masa ini mereka masih lagi 'takut-takut' kerana belum lagi keluar daripada zon selesa tempat asal dan keluarga.

Bagi pelajar Orang Asli, cabaran mereka sebenarnya lebih lagi terutama bagi mereka yang berasal dari penempatan yang jauh dari bandar dan kurang terdedah dengan dunia luar dan untuk berubah juga bukannya mudah. Dalam konteks ini, Orang Asli perlukan sokongan daripada rakan sebaya dan pensyarah di universiti bagi membantunya melepasi tahap satu.

Sebagai pensyarah, pelajar sebegini perlu diberi perhatian lebih untuk mereka membina keyakinan diri. Apa yang saya puji mengenai pelajar Orang Asli ini setelah mereka melepasi tahap satu, mereka tidak malu bertanya. Pernah suatu masa dulu ketika saya mengajar subjek metodologi penyelidikan, seorang pelajar Orang Asli daripada suku kaum Semelai sering bertemu saya sejurus kelas tutorial tamat. Pelajar itu bertanya soalan yang bagi saya beliau tidak mahu ada satu pun perkara yang tidak selesai di dalam fikirannya

berkaitan subjek itu yang membelenggu dirinya. Peristiwa itu kira-kira 10 tahun lalu dan pelajar itu kini berjaya menjadi pensyarah di sebuah IPTA.

Jika dia membaca ruangan ini, pasti akan tersenyum kerana saya ingin memberitahunya saya masih mengingati dan kagum dengan atribusinya. Di UPM, saya diberitahu rakan senior yang berkongsi pengalaman menyelia tesis sarjana seorang pelajar Orang Asli yang bersemangat dan penuh yakin cuba berkomunikasi dengan pensyarah dan menulis tesis menggunakan bahasa Inggeris! Saya tabik sebab pelajar bukan Orang Asli juga jarang yang ada semangat seperti ini.

### **S: Adakah pelajar Orang Asli mendapat keistimewaan dari segi kemasukan ke IPT atau perlu mempunyai kelayakan sama seperti pelajar lain?**



GAMBAR HIASAN

**Semakin ramai anak Orang Asli berazam untuk ke menara gading.**

## **“ JIKA KITA DAPAT MEMBANTU KANAK-KANAK INI MEMECAHKAN SEMPADAN ATRIBUT LEMAHNYA INI, INSYA-ALLAH MEREKA BOLEH TERUS BERSEKOLAH DAN MENJADI ORANG BERJAYA ”**

**J:** Setahu saya, pelajar Orang Asli ketika di sekolah mempunyai kurikulum khas iaitu Kurikulum Asli dan Penan atau ringkasnya KAP. Cara pembelajarannya lebih bersifat fleksibel mengikut budaya persekitaran di mana mereka berada. Mereka juga mempunyai jabatan khusus iaitu JAKOA (dulu dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau JHEOA).

JAKOA pada masa ini sedang melaksanakan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli yang mengandungi Seksyen Pendidikan dan Seksyen Pembangunan Minda. Antara rangsangan yang diberikan kepada pelajar Orang Asli yang melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT ialah biasiswa kepada semua pelajar yang menuntut di IPTA dan sumbangan komputer riba kepada penuntut yang memperoleh keputusan PNGK 3.0 ke atas dalam peperiksaan.

### **S: Sebagai penyelidik yang membuat kajian mengenai Orang Asli, apa harapan Dr untuk pendidikan mereka?**

**J:** Hasil tinjauan dalam kajian saya, banyak perubahan berlaku dalam aspek minda masyarakat Orang Asli terhadap pendidikan. Saya pernah bertanya kepada seorang suri rumah di Kampung Bangkong, Sungai Lembing, Kuantan, 'Apakah harapan kakak pada pendidikan anak?'. Beliau menjawab 'Kalau boleh sehingga ke peringkat paling tinggi dia (anak) boleh capai. Ke peringkat 'U' (universiti). Nanti dia boleh dapat pekerjaan yang baik, bantu keluarga. Takkan kita nak berada di takuk yang lama, kan?'.

Saya sangat gembira dengan jawapan yang diberikan. Sebenarnya, majoriti



golongan ibu yang ditanya memberikan jawapan hampir sama, iaitu mahukan pendidikan terbaik untuk anak. Saya juga pernah bertemu seorang kanak-kanak seawal usia empat tahun tinggal di asrama Pos Blau semata-mata ibu bapanya mahukan anaknya menerima pendidikan.

Dari sudut orientasi masa depannya, jelas ibu bapanya mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan. Dari sudut perkembangan psikologi kanak-kanak itu pula, saya faham amat sukar penyesuaian sosioemosinya pada peringkat awal. Mujur guru dan warden asrama berkenaan amat komited, walaupun mereka bukan Orang Asli, tetapi mempunyai rasa kasih pada kanak-kanak itu.

Baru-baru ini, saya terabit membawa sekumpulan pelajar Fakulti Ekologi Manusia untuk program kemasyarakatan bersama komuniti Orang Asli di Kampung Sri Mahkota, Pontian, Johor. Fokus kami ialah pendidikan. Golongan ibu bapa sangat peka terhadap pendidikan anak-anak, dan saya boleh katakan tahap pendidikan anak-anak Orang Asli di kampung itu sudah setanding dengan tahap pendidikan masyarakat arus perdana.

Jadi, pada saya situasi sekarang ini, kesedaran pendidikan bukan lagi isu, tetapi pengetahuan. Hal ini kerana, bagi saya anak-anak Orang Asli mempunyai masa depan pendidikan yang cerah kerana anjakan paradigma pemikiran ibu bapa kesan transformasi yang kerajaan laksanakan.

Bagaimanapun, di sebalik peningkatan kadar anak Orang Asli yang menamatkan pengajian hingga SPM dan memasuki IPT, terdapat juga anak-anak Orang Asli yang masih lagi dibelenggu faktor kemiskinan dan atribusi sendiri yang lemah serta menghalangnya untuk meneruskan pengajian. Contohnya, saya telah mengunjungi sebuah kampung di dalam kawasan bandar dan berdekatan dengan sekolah. Malangnya, tidak ramai yang menamatkan Tahun Enam.

Alasan diberi tidak tahan diejek kawan di sekolah sebab baju busuk (hanya ada satu baju saja), malu kasut koyak, ingin bantu ibu bapa jaga adik supaya ibu bapa boleh mencari sumber rezeki dan ingin bantu ibu bapa bekerja.

Jika kita dapat membantu kanak-kanak ini memecahkan sempadan atribut lemahnya ini, insya-Allah mereka boleh terus bersekolah dan menjadi orang berjaya. Di sini sangat perlunya elemen psikologi dalam Pembangunan Komuniti terutama komuniti yang sebegini.